

---

# PANDUAN ADMINISTRASI UNTUK PEMEGANG SAHAM

---

Isi Kandungan	Halaman
A Pengenalan	1
B Cara Menyertai AGM Secara Dalam Talian	1
C Cara Mengakses Laporan Tahunan dan Dokumen AGM Berkaitan	3

---

# PANDUAN ADMINISTRASI UNTUK PEMEGANG SAHAM

## A. PENGENALAN

Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") ke-33 DRB-HICOM Berhad ("DRB-HICOM") akan diadakan secara maya dari Lokasi Siaran dan melalui penyertaan dalam talian mengikut butiran seperti berikut:

**Tarikh** : Isnin, 29 Mei 2023  
**Masa** : 10.30 pagi  
**Lokasi siaran** : Training Hall, Level 6, Wisma DRB-HICOM, No. 2, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
**Platform mesyuarat dalam talian** : <https://meeting.boardroomlimited.my>

DRB-HICOM menjemput pemegang saham untuk mengambil bahagian dalam AGM dari rumah atau pejabat masing-masing dan mengikuti keseluruhan prosiding dalam talian. Panduan Administrasi untuk Pemegang Saham ("Panduan") ini menetapkan langkah-langkah untuk membolehkan pemegang saham mengambil bahagian secara efektif dalam AGM maya ini, termasuk pendaftaran untuk penyertaan dalam talian, penyerahan borang proksi, pengemukakan soalan dan pengundian.

## B. CARA MENYERTA AGM SECARA DALAM TALIAN

1. Sila ambil maklum bahawa kemudahan Penyertaan Dalam Talian dan Pengundian Elektronik ("RPEV") adalah terbuka kepada:

- (i) Ahli individu;
- (ii) Pemegang saham korporat;
- (iii) Penama diberi kuasa; dan
- (iv) Penama diberi kuasa dikecualikan.

2. Semasa mesyuarat dalam talian, anda akan dapat mengemukakan soalan kepada Lembaga melalui platform mesyuarat di <https://meeting.boardroomlimited.my>, dan mengundi untuk resolusi secara langsung.

Pemegang saham boleh mengemukakan soalan mengenai resolusi AGM dan Laporan Tahunan 2022 terlebih dahulu bermula dari 29 April 2023 dan, dalam apa jua keadaan, tidak lewat daripada 10.30 pagi, Sabtu, 27 May 2023 melalui laman sesawang Boardroom di <https://investor.boardroomlimited.com>. Dengan menggunakan ID pengguna dan kata laluan yang sama yang diperolehi melalui Langkah 2 di bawah, sila pilih "SUBMIT QUESTION" dan kemukakan soalan anda ("Pre-AGM Meeting Questions").

3. Untuk menyertai AGM, anda memerlukan ID log masuk dan kata laluan. Berikut merupakan langkah-langkah untuk memperolehi ID log masuk dan kata laluan tersebut.

### 4. PENDAFTARAN UNTUK PENYERTAAN DALAM TALIAN

Sila ikuti langkah-langkah di bawah untuk mendaftarkan penyertaan anda sebagai pemegang saham atau melantik proksi untuk AGM maya:

#### Sebelum AGM

#### LANGKAH 1 - Daftar dalam talian dengan Boardroom Smart Investor Portal ("BSIP") untuk Pemegang Saham Individu dan Korporat

*Nota:*

- Jika anda telah mendaftar dengan BSIP sebelum ini, anda boleh teruskan ke Langkah (2).
- BSIP kini menyediakan kemudahan pendaftaran untuk Pemegang Korporat

(Hanya untuk pengguna BSIP kali pertama)

- a. Sila akses laman sesawang <https://investor.boardroomlimited.com>
- b. Klik "**Register**" untuk mendaftar sebagai pengguna
- c. Untuk "Account Type", pilih "**Sign Up As Shareholder**" atau "**Sign Up As Corporate Holder**"
- d. Lengkapkan pendaftaran dan muat naik dokumen yang diperlukan seperti salinan lembut (softcopy) MyKad (depan dan belakang) atau pasport dan surat kebenaran (templat disediakan) untuk Pemegang Korporat
- e. Masukkan nombor telefon bimbit, alamat e-mel dan kata laluan yang sah
- f. Klik "**Sign Up**"
- g. Anda akan menerima e-mel daripada BSIP untuk pengesahan alamat e-mel. Klik "**Verify e-mail Address**" untuk meneruskan pendaftaran
- h. Setelah alamat e-mel anda disahkan, anda akan diarahkan ke BSIP untuk pengesahan nombor telefon bimbit; klik pada "**Request OTP Code**" dan kod OTP akan dihantar ke nombor telefon bimbit yang didaftarkan (anda perlu masukkan kod OTP dan klik "**Enter**" untuk melengkapkan proses pendaftaran)
- i. Anda akan dihantar e-mel dalam masa satu (1) hari perniagaan untuk memaklumkan kelulusan akaun BSIP anda; anda boleh log masuk ke BSIP di <https://investor.boardroomlimited.com> dengan alamat e-mel dan kata laluan yang anda berikan semasa pendaftaran untuk teruskan ke langkah seterusnya

## PANDUAN ADMINISTRASI UNTUK PEMEGANG SAHAM

### LANGKAH 2 - Permohonan untuk penyertaan dalam talian

*Nota: Anda mestilah pengguna BSIP berdaftar. Jika tidak, kembali ke Langkah 1*

Pendaftaran untuk kemudahan RPEV akan dibuka pada **Jumaat, 28 April 2023, sehingga Isnin, 29 Mei 2023**, sebelum Pengerusi Mesyuarat mengumumkan sesi pengundian berakhir semasa AGM berlangsung.

Instrumen pelantikan proksi mesti diterima selewat-lewatnya pada **10.30 pagi, Sabtu, 27 Mei 2023** ("Tarikh Akhir Penyerahan Proksi").

Bagi Pemegang Saham Individu dan/atau Korporat:

- a. Log masuk ke <https://investor.boardroomlimited.com>
- b. Klik "Meeting Event(s)", pilih "**DRB-HICOM BERHAD 33<sup>RD</sup> ANNUAL GENERAL MEETING**" daripada senarai syarikat dan klik "**Enter**"
- c. Untuk menghadiri AGM maya dalam talian:
  - Klik "**Register for RPEV**"
  - Baca dan terima Terma dan Syarat Am dan masukkan nombor akaun CDS anda untuk menghantar permohonan anda
- d. Untuk melantik proksi:
  - Klik "**Submit eProxy Form**"
  - Untuk Pemegang Saham Korporat, pilih syarikat yang anda ingin wakili (jika lebih daripada satu)
  - Baca dan terima Terma dan Syarat Am, masukkan nombor akaun CDS anda dan masukkan butiran proksi dan arahan mengundi anda; jika anda ingin proksi anda bertindak mengikut budi bicaranya, sila nyatakan "Discretionary"

Untuk Penama Diberi Kuasa dan Penama Diberi Kuasa Dikecualikan:

- a. Log masuk ke <https://investor.boardroomlimited.com>
- b. Klik "Corporate Meeting", pilih "**DRB-HICOM BERHAD 33<sup>RD</sup> ANNUAL GENERAL MEETING**" daripada senarai syarikat dan klik "**Enter**"
- c. Klik "**Submit eProxy Form**"
- d. Pilih syarikat yang anda ingin wakili (jika lebih daripada satu)
- e. Teruskan untuk memuat turun format fail untuk "**Submission of Proxy Form**"
- f. Sediakan fail untuk pelantikan proksi dengan memasukkan data yang diperlukan
- g. Teruskan untuk memuat naik fail Pelantikan Proksi yang lengkap
- h. Semak dan sahkan pelantikan proksi anda dan klik "**Submit**"
- i. Muat turun atau cetak borang eProksi sebagai pengakuan

Bagi Pemegang Saham Korporat/Penama Diberi Kuasa/Penama Diberi Kuasa Dikecualikan/Peguam, anda juga boleh memohon secara bertulis dengan menghantar e-mel ke [bsr.helpdesk@boardroomlimited.com](mailto:bsr.helpdesk@boardroomlimited.com) dan memberikan nama pemegang saham, nombor akaun CDS dan Sijil Pelantikan Wakil Korporat atau Borang Proksi (mengikut kes). Salinan MyKad atau pasport anda dan alamat e-mel yang sah diperlukan.

### LANGKAH 3 - Pengesahan dan pemberitahuan e-mel

- a. Pemberitahuan e-mel akan dihantar oleh Boardroom untuk memaklumkan bahawa permohonan anda untuk penyertaan dalam talian telah diterima untuk pengesahan sistem
- b. Setelah disahkan dengan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung, anda akan menerima e-mel daripada Boardroom sehari sebelum AGM ke-33, iaitu Ahad, 28 Mei 2023, untuk memaklumkan sama ada permohonan anda untuk penyertaan dalam talian diluluskan atau tidak
- c. Jika pendaftaran anda diluluskan, e-mel tersebut akan memberikan ID Mesyuarat, Nama Pengguna dan Kata Laluan untuk AGM maya

#### **Saya Tidak Menerima Sebarang Makluman dari Boardroom**

Jika anda tidak dapat makluman melalui e-mel, sila hubungi:

Talian Bantuan: +603 7890 4700; atau

E-mel: [BSR.Helpdesk@boardroomlimited.com](mailto:BSR.Helpdesk@boardroomlimited.com)



## PANDUAN ADMINISTRASI UNTUK PEMEGANG SAHAM

### Pada hari AGM


#### LANGKAH 4 - Log masuk

- Kemudahan RPEV akan dibuka untuk log masuk pada 9.30 pagi, Isnin, 29 Mei 2023, iaitu sejam sebelum bermulanya AGM ke-33
- Klik pautan yang disediakan dalam e-mel yang anda terima dalam Langkah 3(c) untuk menyertai AGM maya; masukkan ID Mesyuarat dan log masuk dengan Nama Pengguna dan Kata Laluan yang diberikan dalam e-mel yang sama

#### LANGKAH 5 - Sertai AGM maya

- Sila ikut panduan pengguna yang disediakan dalam e-mel untuk menonton siaran langsung, mengemukakan soalan dan mengundi
- Untuk menonton siaran langsung, pilih ikon siaran 
- Untuk bertanya soalan semasa AGM ke-33, pilih ikon mesej ; taip soalan anda dalam kotak sembang dan klik butang hantar untuk mengemukakan soalan

#### LANGKAH 6 - Undi

- Sebaik sahaja pengundian dimulakan, ikon pengundian  akan muncul dengan resolusi dan pilihan pengundian sehingga Pengerusi mengisytiharkan tamat sesi pengundian
- Untuk mengundi, sila pilih pilihan anda daripada opsyen-opsyen yang disediakan; mesej pengesahan akan muncul untuk menunjukkan bahawa undi anda telah diterima
- Untuk mengubah undi anda, sila pilih semula pilihan anda
- Jika anda ingin membatalkan undian anda, sila klik “Cancel”

#### LANGKAH 7 - Tamat

Setelah Pengerusi mengisytiharkan penutupan AGM ke-33, siaran langsung akan ditamatkan.

### C. CARA MENGAKSES LAPORAN TAHUNAN DAN DOKUMEN AGM BERKAITAN

- Anda boleh mendapatkan salinan dokumen-dokumen berikut di laman sesawang Syarikat di <https://www.drb-hicom.com/investors/agm-33/>
  - Laporan Tahunan\* untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022
  - Notis AGM ke-33
  - Borang Proksi
  - Laporan Tadbir Urus Korporat 2022
  - Pekeliling kepada Pemegang Saham berkaitan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham bagi Transaksi Berulang Pihak Berkaitan (“RRPT”) sedia ada yang bersifat pendapatan atau perdagangan

\* Laporan Tahunan 2022 merangkumi Laporan Kelestarian 2022

- Jika anda memerlukan salinan cetak Laporan Tahunan DRB-HICOM untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022, anda boleh membuat permintaan anda melalui Boardroom Smart Investor Portal di <https://investor.boardroomlimited.com> dengan memilih “Request for Annual Report” di bawah menu “Investor Services”.

Sebagai alternatif, anda juga boleh meminta laporan tersebut daripada Share Registrars melalui e-mel: [bsr.helpdesk@boardroomlimited.com](mailto:bsr.helpdesk@boardroomlimited.com) atau telefon: +603 7890 4700.

Kami amat berbesar hati untuk mengacarakan AGM ini secara dalam talian. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan sebelum AGM ke-33 ini, sila hubungi nombor/e-mel berikut pada waktu pejabat:

- Boardroom Share Registrars Sdn. Bhd.  
Tel: +603 7890 4700 / e-mel : [BSR.Helpdesk@boardroomlimited.com](mailto:BSR.Helpdesk@boardroomlimited.com)
- Jabatan Kesetiausahaan Korporat DRB-HICOM  
Tel: +603 2052 8935 / e-mel : [secretarial@drb-hicom.com](mailto:secretarial@drb-hicom.com)

- TAMAT -